

# PM sedih masih gagal ubah sikap orang Melayu

BH 19 JUL 2001

PUTRAJAYA, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih kerana beliau masih gagal mengubah sikap orang Melayu walaupun sudah mencuba pelbagai cara untuk mencapainya sepanjang 20 tahun menjadi Perdana Menteri.

Ini, kata beliau, kerana melakukan pembangunan fizikal negara disifatkan lebih mudah untuk dicapai berbanding usaha mengubah sikap orang Melayu yang amat sukar.

Beliau berkata, orang Melayu perlu berubah sikap dengan memegang nilai baik, seperti rajin berusaha jika mahu menjadi bangsa maju setanding atau lebih baik daripada bangsa lain.

“Apa yang saya gagal dan rasa amat sedih dan sesuatu yang saya tidak dapat capai ialah mengubah budaya orang Melayu,” katanya berucap pada majlis Jamuan Makan Bersama Perdana Menteri an-

jurran Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) di Hotel Renaissance Palm Garden di sini, malam ini.

Majlis itu diadakan sempena meraikan ulang tahun ke-20 Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, kelmarin.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail; Pengurus BBC, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, serta beberapa menteri, timbalan menteri dan Setiausaha Parlimen serta Ahli Parlimen Barisan Nasional.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu masih menganggap tidak mampu bersaing dengan bangsa lain sedangkan mereka tidak berusaha bersungguh-sungguh walaupun mempunyai keupayaan yang sama.

Lebih mengecewakan, kata beliau, ada orang Melayu menganggap usaha beliau untuk memaju-

kan orang Melayu sebagai sikap mengutamakan aspek kebendaan berbanding kepentingan akhirat.

“Mengapa kita tidak boleh melakukan perkara yang betul,” katanya dalam ucapan selama lebih sejam itu yang menyentuh pengalaman pahit dan manis serta cabaran dan kejayaan setakat ini.

Dr Mahathir berkata, krisis ekonomi pada 1997 adalah pengalaman paling pahit dan mencabar terpaksa beliau lalui dan buat pertama kalinya menceritakan bagaimana beliau menanganinya secara lebih terperinci.

Perdana Menteri berkata, idea untuk menangani angkara penyangak mata wang ketika menghadiri persidangan Kumpulan 15 di Argentina dan memanggil bekas pegawai kanan Bank Negara, Tan Sri Nor Mohamad Yacop (kini Penasihat Ekonomi Perdana Menteri) untuk menje-

laskan mekanisme perdagangan mata wang.

“Banyak cara yang kita cuba dan akhirnya kita berjaya menyelesaikan masalah itu,” katanya sambil menambah sebahagian besar rakyat tidak memahami masalah berkenaan kerana mereka tidak merasai kesan krisis.

Perdana Menteri turut memberitahu mengenai tindakan sebuah negara jiran yang turut mengambil kesempatan dengan mensabotaj ekonomi negara ketika itu.

Mengenai jawatannya itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah bermimpi untuk menjadi Perdana Menteri ketika mula bergiat dalam politik.

“Tetapi untuk menjadi menteri tu adalah sikit-sikit,” katanya sambil menasihatkan Ahli Parlimen supaya tidak terlalu memasing angan-angan atau merancang untuk menjadi Perdana Menteri.